

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87
HIA 101 - Pengantar Islam

Tarikh: 7 April 1987

Masa: 2.15 ptg - 5.15 ptg
(3 Jam)

ARAHAN

Pilih dan jawab TIGA(3) soalan.

Teliti dan fahamkan semua soalan yang diberikan, sebelum anda memilih tiga soalan yang akan anda jawab. Kemudian telitikan pula kehendak-kehendak yang terkandung di dalam soalan pilihan anda.

Agihkan masa dengan bijak, supaya anda dapat menjawab soalan-soalan pilihan anda dengan baik.

Kemukakan dalil-dalil Al-Qur'an dan Hadith di dalam jawaban anda. Anda mesti memenuhi syarat ini.

1. Majoriti manusia kini menerima dan beranggapan bahawa agama itu hanyalah merupakan satu cabang kecil dari skop kebudayaan yang luas. Hasilnya lahirlah idea-idea yang memisahkan agama dari kehidupan, atau hanya membiarkan agama berperanan dalam dearahnya yang terbatas .
 - (a) Bagaimanakah corak serangan idea-idea terhadap agama terutama di peringkat berkembangnya aliran positivism atau saintifik.
 - (b) Kemukakan tiga(3) kesan besar yang diterima oleh agama hasil dari kenyataan di atas, lengkap dengan contoh-contohnya.
 - (c) Pada hakikatnya manusia dan agama tidak boleh dipisahkan. Mengapa?

2. Islam sebagai Ad-Din (sistem hidup) merupakan sistem yang menggabungkan dasar 'aqidah yang kukuh, serta corak persembahan hidup di dalam syariatnya yang kemas. Jelaskan dengan hujah dan dalil yang lengkap mengenai:
 - (a) Apakah pengertian tauhid, dan apakah yang dimaksudkan dengan mengenal Allah secara ljmal (ringkas) dan secara tafsil (terperinci)?
 - (b) Hujahkan dengan tiga(3) alasan yang kukuh tentang sifat kesempurnaan sistem Islam.
 - (c) Bagaimanakah sifat-sifat yang mesti wujud pada orang yang menerima Islam sebagai sistem atau pegangan hidupnya?

3. Syariat Islam mengandungi kaedah-kaedah umum dan hukum-hukum yang terperinci. Semuanya bertujuan memelihara maslahat (kebaikan) manusia dan alam seluruhnya.
 - (a) Huraikan tiga(3) kaedah umum yang terdapat di dalam syariat Islam.
 - (b) Buktikan dengan hujah yang kukuh bahawa sifat syariat Islam itu tidak membebankan manusia.
 - (c) Apakah maksud bahawa syariat Islam bersifat Universal?

4. Ibadat khusus mempunyai pengaruh yang amat penting untuk membentuk akhlak dan keperibadian Islam yang sebenar.
 - (a) Bawa tiga(3) alasan yang kuat, mengapa manusia wajib beribadat kepada Allah?
 - (b) Huraikan apakah nilai-nilai murni yang terkandung di dalam ibadat khusus yang menjadi asas pembentukan akhlak?
 - (c) Bagaimanakah langkah-langkah terbaik yang perlu dilakukan, untuk mengembalikan semangat beribadat di kalangan umat Islam?

5. Bentuk orientasi pendidikan rumahtangga, merupakan asas pembentukan masyarakat Islam. Bahkan pincang atau harmoninya keluarga, mempunyai kesan langsung terhadap masyarakat.
- (a) Apakah maksud kenyataan di atas, dari sudut pandangan Islam.
 - (b) Syarat-syarat pra-nikah, menjadi asas untuk menjamin kerukunan suami-isteri selepas 'aqad. Bagaimana?
 - (c) Berikan penjelasan yang tepat, bagaimana konsep perkongsian psikologi dan diplomasi suami dan isteri dapat menyuburkan kasih sayang anggota keluarga?
6. Pilih tiga(3) dari senarai di bawah dan berikan huraian bernas mengenainya:
- (a) Al-Qur'an sebagai pedoman hidup umat Islam.
 - (b) Apakah bahaya-bahaya yang terkandung di dalam sistem Riba, sehingga Islam bertindak mengharamkannya?
 - (c) tiga(3) prinsip yang menjadi asas keadilan sistem ekonomi Islam.
 - (d) Jelaskan pengertian Hudud dan Qisas serta jenis-jenis kesalahan yang terkandung di dalam undang-undang tersebut.
 - (e) Apakah prinsip-prinsip asas yang boleh mewujudkan pergaulan yang sihat menurut pandangan Islam.

-ooo000ooo-